

TARIKH	15 OGOS 2025 (JUMAAT)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	SETAHUN KEPIMPINAN KSN PACU KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN AWAM 		
M/S	11 (KOMENTAR)	KATA KUNCI	CIVIL SERVICE
BIDANG	CIVIL SERVICE		

Jumaat, 15 Ogos 2025

Komentari

11

Setahun kepemimpinan KSN pacu kecemerlangan perkhidmatan awam

Oleh Wan Raithana Madiah
Wan Ahmad Zakry
bhrencana@bh.com.my

Tarikh 12 Ogos lalu genap setahun kepemimpinan Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang membawa nafas baharu kepada landskap pentadbiran Kerajaan Malaysia.

Pelantikan beliau pada 12 Ogos 2024 oleh Yang di-Pertuan Agong membuka lembaran kepemimpinan berpaksi integriti, keberkesanan dan keutuhan nilai dalam memacu reformasi perkhidmatan awam. Sepanjang tahun pertama ini, hubungan dan sinergi antara KSN dan kepimpinan politik tertinggi negara terbukti menjadi salah satu faktor utama yang memperkukuh pelaksanaan agenda nasional.

Kesyakinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap kebolehan jentera perkhidmatan awam, ditambah dengan kepimpinan strategik Shamsul Azri, memastikan dasar negara tidak sekadar dilaksanakan, tetapi diterjemahkan kepada hasil nyata yang memberi kesan langsung kepada rakyat.

Hubungan ini terserlah melalui pendekatan *whole-of-government* yang memaksimumkan kerjasama antara kementerian dan agensi serta pendekatan *whole-of-nation* yang menghubungkan sektor awam dengan sektor swasta dan masyarakat sivil.

Pendekatan ini memastikan tiada pelaksanaan dasar yang berlaku secara silo, sebaliknya setiap pihak yang berkepentingan digembeling untuk bersama-sama menajutkan matlamat negara.

Shamsul Azri sendiri mengangkat reformasi sebagai satu kemestian dan beliau menegaskan semangat itu mesti menyusup hingga akar umbi, membabitkan bukan sahaja kepimpinan tertinggi, tetapi juga penjawat awam muda yang bakal menjadi penggerak masa depan negara.

Konsep Malaysia MADANI menjadi teras pemikiran dan tindakan KSN dalam memupuk hubungan ini. Nilai-nilai MADANI, iaitu ihsan, hormat, kemampunan, perpaduan, daya cipta dan keayuhan, dihidupkan melalui inisiatif konkrit seperti penubuhan Laman Malaysia MADANI di Taman Botani Putrajaya yang diwujudkan sebagai medium interaktif bagi rakyat memahami dan menghayati prinsip MADANI dalam suasana santai, terbuka dan mesra komuniti.

Di samping itu, Modul Latihan Malaysia MADANI melatih ratusan ribu penjawat awam untuk mengamalkan integriti, akauntabiliti dan patriotisme, dengan sasaran membabitkan 1.4 juta penjawat awam menjelang 2030. Pendekatan ini memperkukuh profesionalisme perkhidmatan awam sambil membentuk jiwa yang peka terhadap aspirasi rakyat.

Sepanjang tahun pertama ini, Shamsul Azri memacu pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) yang berstruktur dan menyeluruh. Agenda ini berlandaskan lima Teras Keberhasilan Reformasi yang merangkumi penghayatan nilai dan tadbir urus, pembangunan modal insan, pembangunan organisasi, penambahbaikan penyampaian perkhidmatan serta pengukuhan sinergi awam-swasta.

Lima pemboleh daya reformasi turut digariskan, iaitu pengurusan projek, pengurusan kewangan, penagiarabangsaan, pengukuran, pemantauan dan penilaian prestasi serta komunikasi total yang memastikan maklumat dasar kerajaan disampaikan dengan berkesan kepada semua lapisan masyarakat.

Dalam aspek Pemantauan, Majlis Tindakan Malaysia MADANI (MTMM), Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Penerimaan (PEMUDAH) dan terbaharui Jawatankuasa Peringkat Tertinggi ARPA (High Level Committee-HLC ARPA) berfungsi sebagai platform strategik bagi menyelaras pelaksanaan inisiatif reformasi secara menyeluruh, berimpak tinggi dan bersepadu merentasi kementerian, jabatan dan kerajaan negeri.

Dari sudut penilaian prestasi pula, pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Penilaian Prestasi Demerit (DEEP), termasuk Laporan KPI semasa 27 Ketua Setiausaha (KSU) kementerian dikehendaki dibentangkan kepadanya bagi menginsinuisikan sistem pemantauan perkhidmatan awam supaya lebih dinamik dan berasaskan data.

Mekanisme kawalan strategik

Mekanisme DEEP pula menjadi mekanisme kawalan strategik bagi meningkatkan tahap akauntabiliti dan tadbir urus dalam perkhidmatan awam yang dibina berasaskan dua komponen utama, iaitu demerit dan merit menerusi tiga dimensi penilaian prestasi membabitkan generik (75 peratus); fungsi (15 peratus) serta tinjauan (10 peratus).

Begitu juga dengan aspek komunikasi total, kritikal berucap pada sesi 'Reformasi Satu Kemes-

tian' Bersama KSN umpamanya. Shamsul Azri tegas mengingatkan agar penjawat awam mengelakkan penggunaan 'bahasa Putrajaya' yang terluak teknikal atau berbelit, sebaliknya memilih bahasa yang mudah difahami supaya rakyat benar-benar memahami dasar yang dilaksanakan.

Hasilnya, pelbagai pencapaian signifikan direkodkan sejak setahun lalu. Sebanyak 97 proses Reformasi Kerendah Birokrasi berjaya dilaksanakan, sekali gus mengurangkan tempoh urusan kerajaan secara drastik, dengan penjimatan kos beban peraturan sehingga RM873.5 juta kepada kerajaan, antaranya ialah proses kelulusan pembangunan di Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) yang dipendekkan daripada 23 bulan kepada hanya 11 bulan.

Dalam aspek pendigitalan, empat Pekeliling Pendigitalan Perkhidmatan Awam diperkenalkan untuk menyelaras portal agensi, rangkaian telekomunikasi kerajaan (MyGovNet), perkhidmatan komunikasi dan kolaboratif (MyGovUC), serta prasarana kunci awam kerajaan (MyGPKI). Semua ini bertujuan memodenkan sistem penyampaian, menjadikannya lebih pantas, selamat, dan responsif terhadap keperluan rakyat.

Selain pembaharuan sistem dan proses, Shamsul Azri juga menekankan pembaharuan nilai dalam kepimpinan perkhidmatan awam. Beliau menegaskan bahawa reformasi tidak bermula dengan sistem, tetapi dengan manusia. Pemimpin perkhidmatan awam mesti berani mencabar norma lapuk, memecahkan tembok silo dan memulihkan kepercayaan rakyat.

Kepimpinan, bagi beliau, bukan soal memiliki semua jawapan, tetapi keberanian untuk bertanya soalan yang betul dan kesediaan untuk terus belajar. Sebagai simbol komitmen terhadap pembelajaran berterusan, beliau sendiri kembali ke bangku akademik untuk mengikuti pengajian doktoran dalam pentadbiran perniagaan.

Keseluruhannya, tahun pertama kepimpinan Shamsul Azri sebagai KSN memperlihatkan sinergi yang kukuh antara jentera pentadbiran dan kepimpinan politik negara.

Hubungan yang saling percaya dan saling melengkapi ini, berpaksi nilai MADANI melahirkan reformasi yang bukan sahaja menambah baik kecukupan perkhidmatan awam, tetapi juga memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya tahan, inklusif dan berdaya saing pada peringkat global.

Kepimpinan Shamsul Azri membuka lembaran baharu berpaksi integriti, keberkesanan dan keutuhan nilai dalam memacu reformasi perkhidmatan awam.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
--------------------	--